



**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

---


**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 476 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 28,155 kes. Empat (4) kes kematian dilaporkan iaitu dua (2) kes di Daerah Sandakan dan masing-masing satu (1) kes di Daerah Tawau dan Tuaran. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Daripada 476 kes tersebut, sebanyak 258 kes (54.20%) adalah berpunca dari empat (4) kluster baharu dan tujuh (7) kluster sedia ada seperti pecahan berikut:

BIL	KLUSTER	JUMLAH KES
<b>Kluster Baharu</b>		
1	Kluster PTS Sibuga, Sandakan	99
2	Kluster Jesselton, Kota Kinabalu	53
3	Kluster Dermaga, Sandakan	17
4	Kluster Tempasuk, Kota Belud	7
<b>Kluster Sedia Ada</b>		
5	Kluster Sutera, Kota Kinabalu	53
6	Kluster Ria 30, Tuaran	12
7	Kluster Sabaru, Lahad Datu	10
8	Kluster Tinusa, Sandakan	7
9	Kluster Dialisis, Lahad Datu	4
10	Kluster Rumah Merah, Kota Kinabalu	2
11	Kluster Jalan Tuaran, Kota Kinabalu	3
<b>JUMLAH</b>		<b>258</b>

- 3 Pada hari ini, seramai 274 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 24,793 orang. Sejumlah 2,094 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 669 orang di hospital dan 1,425 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 70 orang dan 19 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 4 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Kalabakan bertukar dari zon merah ke zon jingga.

- 5 Pada hari ini, terdapat empat (4) kluster baharu direkodkan iaitu:
- Kluster Jesselton di Daerah Kota Kinabalu sebanyak 44 kes berkaitan dengan pekerja tapak pembinaan *Jesselton Quay*;
  - Kluster PTS Sibuga di Daerah Sandakan sebanyak 99 kes berkaitan dengan Pusat Tahanan Sementara Sibuga;
  - Kluster Dermaga di Daerah Sandakan sebanyak 17 kes berkaitan dengan saringan Pelabuhan Dermaga Sandakan; dan
  - Kluster Tempasuk di Daerah Kota Belud sebanyak tujuh (7) kes berkaitan dengan upacara pengebumian.
- 6 Daerah Sandakan mencatatkan kes tertinggi pada hari ini iaitu 176 kes (36.97%). Daripada jumlah tersebut, 99 kes adalah daripada Kluster PTS Sibuga, 17 kes daripada Kluster Dermaga dan tujuh (7) kes daripada Kluster Tinusa. Manakala saringan kontak rapat (36 kes), saringan bergejala (8 kes), saringan komuniti (7 kes) saringan sebelum kerja (1 kes) dan saringan *sign on* (1 kes).

- 7 Daerah Kota Kinabalu pula, mencatatkan kes kedua tertinggi iaitu sebanyak 151 kes (31.72%) iaitu berpunca dari Kluster Jesselton (44 kes), Kluster Sutera (53 kes) dan Kluster Rumah Merah (2 kes). Manakala bakinya adalah dari saringan kontak rapat (35 kes), saringan bergejala (9 kes), saringan komuniti (2 kes), saringan pra kemasukan wad (2 kes), saringan sendiri (2 kes), saringan pra pekerjaan (1 kes) dan saringan tempat kerja (1 kes).
- 8 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,007 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,577 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,584 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 31.80%.

#### **B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

- 1 Sehingga hari ini, sebanyak **250,354** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

#### **C. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sebanyak 71 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 54,979 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 46 buah kenderaan diarah berpatah balik. Satu (1) tangkapan telah dilaksanakan dan 18 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 80 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 26 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 37 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di enam (6) premis di lima (5) buah daerah iaitu Kinabatangan, Tawau, Keningau, Tuaran dan Beluran.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 70 lokasi di enam (6) daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu.

#### **D. BANTUAN LOGISTIK**

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 241 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 43 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 28 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 170 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

#### **E. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 97.88%. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Belud	99%
4	Kudat	98.5%
5	Kunak	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Kota Kinabalu	98%
8	Penampang	98%
9	Papar	98%
10	Kota Marudu	98%
11	Beluran	98%
12	Sandakan	98%
13	Tuaran	97%
14	Keningau	97%
15	Tenom	97%
16	Tawau	97%
17	Lahad Datu	97%
18	Semporna	97%
19	Ranau	96%

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuat kuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

**#kitajakita #stayhome #staysafe  
#workfromhome  
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
28 November 2020**